AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

Kadar kebolehjangkitan menurun

KKM terus guna kaedah kesihatan awam, pematuhan SOP

Oleh Rafidah Mat Ruzki
dan Mohd Iskandar Ibrahim
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Kadar kebolehjangkitan COVID-19 dalam negara boleh diturunkan kepada 0.5 dalam tempoh dua minggu lagi jika tindakan kesihatan awam termasuk pematuhan prosedur operasi standard (SOP) diperkukuhkan.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata kadar kebolehjangkitan COVID-19 dalam negara ketika ini sudah mencatat penurunan daripada 2.2 kepada satu.

"Kita terus menggunakan kaedah kesihatan awam tetapi perlukan kerjasama semua pihak untuk memutuskan rantaian COVID-19.

"Setakat ini hasilnya baik apabila kadar kebolehjangkitan berjaya dikurangkan dan kita harap ia mampu diturunkan daripada satu kepada 0.5 dalam tempoh dua minggu susulan langkah kesihatan awam.

"Jika kadar kebolehjangkitan turun kepada 0.5, ia bermakna kes harian akan berkurangan," katanya di sini, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, pihaknya bimbang dengan laporan berlakunya mutasi pada virus COVID-19 seperti dikesan di Denmark, baru-baru ini.

"Walaupun kesannya belum diketahui, kita bimbang jika mutasi ini berlaku. Kita kena fikir apakah kesannya dan mungkin mereka yang pernah dijangkiti terkena jangkitan semula.

Dr Noor Hisham Abdullah

"Kedua ialah kebimbangan mengenai kesan (mutasi) kepada vaksin yang sedang dibangunkan setakat ini," katanya.

Sementara itu, enam kes kematian berkaitan COVID-19 dicatatkan semalam, menjadikan jumlah kumulatifnya kepada 300 kes.

"Kes kematian membabitkan empat lelaki dan dua wanita, dengan semua mangsa dari Sabah berusia antara 47 hingga 84 tahun.

"Mereka yang meninggal dunia mempunyai latar belakang penyakit bengkak kelenjar prostat, kencing manis, darah tinggi dan strok, kanser pangkal rahim serta parkinson," katanya.

Dr Noor Hisham turut mengumumkan empat kluster diisytiharkan tamat semalam, iaitu Kluster Rinting, Kluster Semarak, Kluster Jelok dan Kluster Sabindo.

Katanya, empat kluster baharu dilaporkan iaitu Kluster Liawan yang mencatatkan 24 kes positif setakat ini, Kluster Tatahan di Kota Kinabalu (18 kes), Kluster GK Tawau (49 kes) dan Kluster Kube di Kota Bharu dan Tanah Merah, Kelantan dengan 10 kes positif.

Beliau berkata, kes baharu semalam kekal tiga angka dengan 869 kes positif, menjadikan jumlah kumulatif 42,050 kes di negara itu.

Katanya, jumlah kes aktif dengan kebolehjangkitan COVID-19 adalah 11,446.

"Daripada 869 kes baharu hari ini (semalam), Selangor melaporkan satu kes import jangkitan dari luar negara iaitu bukan warga negara yang tiba dari Nepal.

"Sabah mencatat 397 kes atau 45.7 peratus daripada keseluruhan kes positif hari ini (semalam).

"Negeri di Lembah Klang mencatat 258 kes. Sebanyak 28 kes adalah berkaitan kluster di Pusat Tahanan Sementara (PTS) dan penjara," katanya.